

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 SEPTEMBER 2016

TERDESAK DEMI LABA POLITIK

ANWAR Ibrahim yang baru menyertai UMNO pada 1982 dikatakan sudah menukar banyak nilai tradisi dalam parti itu yang menyebabkan fokus nasionalisme parti itu terpesong. Politik UMNO mula dicorakkannya dengan sistem kader yang dibawanya. Tetapi Dr. Mahathir Mohamad yang berperanan membawanya masuk, menatang Anwar bagaikan minyak

yang penuh sehingga 'berbulu mata' dalam kalangan pemimpin UMNO yang lain melihatnya. Persoalan itulah yang lebih mengheret 'kumpulan B' untuk bertindak sehingga mengakibatkan pergolakan besar dalam UMNO yang membawa perebutan jawatan Presiden (1987), disusuli pengharaman parti itu 1988. Disangka panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Sepuluh tahun kemudian

(1998), Anwar dipecat oleh Dr. Mahathir daripada kerajaan dan parti kerana perlakuan serongnya selain dikatakan penyokong Anwar dilihat semacam tidak tahan lagi menunggu giliran untuk bos mereka menjadi orang nombor satu. Politik negara bergolak dengan demonstrasi jalanan 'reformasi' diketuai Anwar, mencalar imej Malaysia. Tetapi sekarang sejak tidak sehaluan dengan Perdana

Menteri, Najib Tun Razak, Dr. Mahathir berpaling arah kembali bersama Anwar. Digagahinya juga untuk berjumpa Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 September lalu, sekali gus mengejutkan ramai orang dengan tindak-tanduk luar dugaannya. Dalam politik segalanya berkemungkinan. Berikut antara ungkapan saling mencela antara Dr. Mahathir dan Anwar dalam tempoh 18 tahun ini.

Tetapi sekarang sejak tidak sehaluan dengan Perdana Menteri, Najib Tun Razak, Dr. Mahathir berpaling arah kembali bersama Anwar. Digagahinya juga untuk berjumpa Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 September lalu, sekali gus mengejutkan ramai orang dengan tindak tanduk luar dugaannya."

DR. MAHATHIR KRITIK ANWAR

"Dia pernah membuat konspirasi untuk menjatuhkan saya, semua orang tahu dia arah orang serang saya, kata saya ada kroni tetapi Anwar sendiri berpura-pura baik (sebagai) orang nombor dua dalam Kabinet. "Belakang saya dia lakukan tetapi di depan saya kami boleh duduk semeja, itulah dia, jadi saya tidak peik dengan tuduhan bahawa dia ada konspirasi untuk menjatuhkan Najib." ■ 27 MAC 2010.

"Buat reformasi, dia nak jadi PM. Bukan Islam diperjuangkan tapi PM. Orang semacam ini kita nak duduk dekat pun takut tak berani beralih belakang kat dia pun." ■ 2001.

"Sebagai seorang yang rasional, mustahil kes Anwar ini hasil daripada konspirasi. Kes Anwar membabitkan institusi kehakiman dan di dalam institusi ini konspirasi sukar dilakukan kerana kita terpaksa berhadapan dengan banyak pihak. "Kita bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan satu dua orang tetapi lebih 100 orang. Antaranya hakim, pendakwa, polis, saksi-saksi dan mangsa. Ini bukan kerja mudah kerana banyak pihak yang akan terlibat." ■ 18 OKTOBER 2010

■ Mengulas cakap-cakap pertuduhan kes liwat Anwar adalah konspirasi.

"Ini terpolang kepada kita untuk mentafsir sama ada mereka ini pengkhianat atau tidak namun hakikatnya Anwar hanya mengutamakan dirinya. Kalau dia terpaksa memburukkan bangsanya sendiri asalkan dia untung, dia akan

lakukannya. Ini kerana Anwar mempunyai karakter yang sebegitu.

"Saya memang tahu Anwar ada hubungan rapat dengan Barat. Bagi saya kawan-kawan beliau ini tidak boleh diterima seperti Paul Wolfowitz dan beberapa lagi yang boleh kita anggap sebagai golongan neokonservatif." ■ 15 OGOS 2016

■ Ketika mengulas isu penjajahan Barat di negara ini.

"Tidak ushlah takut saudaraaku yang lama, hadapi dirimu ke mahkamah, bersumpahlah di masjid dan bukannya di tepi masjid (sewaktu berceramah). Bersumpahlah seperti saudara Saiful Bukhari (Azlan) jika kamu seorang lelaki yang budiman." ■ 23 APRIL 2010

■ Mengulas penafian Anwar tidak terlibat dalam kes liwat.

"Penyingskirannya bukan kerana konspirasi, dia bukan disingkir kerana politik saya atau politik UMNO. Dia disingkir kerana moralnya yang buruk yang menjadikannya tidak sesuai untuk memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia. "Bolehkah saya berdiam diri dan membiarkan orang seperti ini terus berada dalam kerajaan dan bakal menjadi Perdana Menteri negara ini?" ■ 2000

■ Ucapan dasar pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54.

ANWAR BIDAS DR. MAHATHIR

"Pastinya ia satu konspirasi politik terhadap saya kerana khuatir kemungkinan saya akan menentang Presiden parti, Dr. Mahathir Mohamad." ■ 3 SEPTEMBER 1998.

■ Mengulas pelucutan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kepada wartawan di kediamannya di Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

"Cara beliau bertindak adalah seperti amalan pemerintahan komunis bintang tiga pada zaman darurat dahulu. "Dr. Mahathir amat takutkan saya untuk merampas kuasanya, lalu saya dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta keahlian UMNO." ■ 20 SEPTEMBER 1998

■ Ketika berucap pada perhimpunan gerakan reformasi di Batu Pahat, Johor.

"Saya tidak menaruh harapan dengan keadilan. Tuduhan-tuduhan adalah sebahagian konspirasi politik untuk memusnahkan saya dan memastikan Dr. Mahathir Mohamad berkuasa dengan apa cara sekali pun. You resign or I charge you..." ■ 14 APRIL 1999

■ Di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada perbicaraan hari ke-78 sebelum hukuman dijatuhkan ke atasnya kerana didapati bersalah atas empat tuduhan pindaan rasuah.

"Sekarang, Anwar Ibrahim secara rasmi menuntut supaya Dr. Mahathir berhenti sebagai Perdana Menteri.

"Mereka (ahli UMNO), apa yang Dr. Mahathir kata, semuanya undang-undang belaka, pakai otaklah sikit dan fikirilah sama." ■ 18 SEPTEMBER 1998

■ Pada satu perhimpunan selepas solat Jumaat di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu.

■ Antara orang paling takut saya jadi Perdana Menteri adalah Mahathir. Dia demam tau, kemudian ada orang bagitahu, Mahathir, Anwar mungkin jadi Perdana Menteri. Terus dia bangun, tak boleh, kata dia. You tahu apa pasal dia takut? Sebab harta sudah banyak. Harta anak-anak dia puluh-puluh bilion." ■ 6 JULAI 2012

■ Majlis Makan Malam Mengumpul Dana PKR di Rawang, Selangor.

"Kita sebagai orang Islam, kita tidak boleh pertikai undang-undang al-Quran. Saya bukan Mahathir, kita kena terima." ■ 20 APRIL 2014

■ Perhimpunan Reformasi 2.0 Pantai Dalam, Kuala Lumpur.

"Saya menjangkakan dalam masa yang singkat, kemungkinan saya ditanah dalam apa jua cara sama ada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atau dituduh ke mahkamah tanpa memungkinkan saya diberi ikat jamin. "Dan saya tidak menolok sebarang kemungkinan memandangkan cara kezaliman di bawah kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad sekarang." ■ Video amanat terakhir Anwar sebelum ditangkap pada 1998.

